

# UMP, Yayasan Pahang wujud FGIC

Ismi, 18 Julai 2016 BH Ms.28

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIF/BH]

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Yayasan Pahang (YP) mewujudkan Pusat Tadbir Urus Korporat dan Integriti (FGIC) di UMP.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata FGIC yang dikendalikan Fakulti Pengurusan Industri UMP berperanan sebagai institusi bertanggungjawab memupuk budaya kerja tulus, cekap dan berintegriti melalui program penyelidikan, forum dan latihan.

## Pakar rujuk tadbir urus

"FGIC juga mempunyai pakar rujuk dalam bidang tadbir urus korporat dan integriti dengan mendapat perakuan Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Institut Integriti Malaysia dan Jabatan Audit Negara," katanya ditemui pada majlis perasmian FGIC di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Shafik Fauzan Sharif yang merupakan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Daing Nasir berkata, FGIC antara lain berperanan menjalan-

kan kajian mengenai isu berkaitan governans dan integriti, menyediakan platform perhubungan industri dan akademi dan melaksanakan program latihan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan awam terhadap isu tadbir urus dan integriti.

"Putus ini juga akan membangun dan menerbitkan laporan serta buletin berdasarkan penyelidikan bagi manfaat awam, mengeluarkan cadangan penyelidikan untuk dibiayai dengan geran awam atau swasta selain menjadi penghubung antara badan profesional dalam bidang berkaitan," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, UMP turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama dua universiti terkemuka Indonesia bagi mengukuhkan hubungan pendidikan tinggi negara serumpun.

"Dua universiti berkenaan adalah Universiti Teknologi Yogyakarta dan Universiti Binus di Jakarta. MoU membabitkan kerjasama pintar meliputi platform kuliah pembelajaran global, kerjasama penyelidikan serta pertukaran pelajar dan kakitangan antara universiti," katanya.



**Shafik Fauzan (tengah) menyaksikan pertukaran MoU antara Daing Nasir (dua dari kiri) dan Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Mohd Nawawi di UMP, Gambang, semalam.**

Info

## Putus Tadbir Urus Korporat dan Integriti

- Sebahagian inisiatif UMP dalam pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020
- MoU dengan universiti Indonesia adalah, usaha UMP mengembangkan jenamanya